



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
LEE TECK KEONG
TOKOH SENI WARISAN DAN BUDAYA**

OLEH:

NUR SHAHWANIE BINTI MOHAMAD YAACOB 2021652712

SITI NUR NABILA BINTI MOHD RAZALI 2021809794

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604- PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OCT 2023 – FEB 2024)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
LEE TECK KEONG
TOKOH SENI WARISAN DAN BUDAYA**

OLEH:

NUR SHAHWANIE BINTI MOHAMAD YAACOB **2021652712**

SITI NUR NABILA BINTI MOHD RAZALI **2021809794**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604- PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OCT 2023 – FEB 2024)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN



Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa syukur kepada Allah Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapat kami dengan jayanya menyiapkan kajian sejarah lisan walaupun mengharungi pelbagai halangan dan rintangan. Syukur Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nurulanissa Binti Abdullah selaku pensyarah kami bagi subjek IMR 604 iaitu “Oral Documentation”. Terima kasih diucapkan diatas bimbingan, nasihat, kesabaran dan bimbingan yang diberikan yang telah banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan transkrip ini. Segala jasa beliau telah mendorong kami untuk menjadi penyelidik dan pendidik yang berkaliber.

Seterusnya, kami ingin berterima kasih kepada Dato Lee Teck Keong kerana telah memberi kerjasama yang sangat baik dan meluangkan masa sepanjang temu bual kami. Beliau telah berkongsi banyak ilmu berkenaan dengan seni tarian Melayu serta pengalaman hidup beliau kepada kami bagi menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Kami juga ingin berterima kasih kepada kedua ibu bapa dan juga keluarga kerana telah mendorong kami bagi menyelesaikan kajian ini. Mereka telah memberikan sokongan moral yang tidak dapat dihitung sehingga kami berjaya menyiapkan tugas ini. Jutaan terima kasih juga kepada rakan seperjuangan yang turut serta dalam membantu serta berkongsi idea dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, besarlah harapan kami agar kajian yang kami hasilkan ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan sekaligus dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada diri sendiri terutamanya kepada pembaca.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh seni warisan dan budaya yang merupakan seorang yang berbangsa Cina yang melibatkan diri dalam seni tarian Melayu. Ramai dalam kalangan masyarakat pada masa kini, terutamanya generasi masa kini tidak mengetahui tentang warisan budaya di negara ini yang kian dilupakan. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang salah satunya tokoh yang mewarisan dalam seni tarian ini, projek sejarah lisan ini akan cuba mengungkapkan kebenaran dan pengetahui perkara sebenar di sebalik seni tarian Melayu ini. Kajian ini merupakan temu bual bersama Lee Teck Keong yang merupakan seorang tokoh seni dan budaya tempatan dan juga seorang koreographer. Beliau juga merupakan seorang pengurus persatuan seni tarian Melayu di negeri Pahang. Temubual ini dijalankan di Persatuan Mahligai Budaya Kuantan, Pahang. Tarikh temubual tersebut adalah pada 7 Disember 2023 bermula pada jam 8.00 malam hingga 10.00 malam. Lee Teck Keong mula mencuburi dalam bidang seni tarian Melayu ini dari tahun 1987 sehingga kini. Lee Teck Keong tidak hanya menjadi seorang pengurus persatuan tersebut tetapi juga terlibat menjadi seorang pengajar dalam bidang tarian Melayu dan tarian-tarian tradisional yang lain. Pelbagai halangan dan cabaran yang telah dihadapi oleh Lee Teck Keong semasa menjadi seorang koreographer dan pengurus dalam seni tarian Melayu. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan inspirasi kepada semua lapisan masyarakat.*

Kata kunci: *Lee Teck Keong, pengurus persatuan, seni tarian Melayu, koreographer, tokoh seni*

ABSTRACT

This transcript discusses the experience of a cultural artist who is a Chinese person who is involved in Malay dance. Today's society, especially today's generation, do not know about the country's forgotten cultural heritage. Apart from touching on the background of one of the outstanding figures in the dance arts, this oral history project will try to reveal the truth and know the truth behind Malay dance art. This study was an interview with Lee Teck Keong, who is a local art and culture figure and a choreographer. He is also the manager of the Malay Dance Arts Association in the state of Pahang. The interview was conducted at the Kuantan Cultural Mahligai Association, Pahang. The date of the interview is December 7, 2023, from 8 p.m. to 10 p.m. Lee Teck Keong started his career in the Malay dance arts from 1987 until now. Lee Teck Keong not only became a manager of the association but was also involved as an instructor in the field of Malay dance and other traditional dances. Various obstacles and challenges were faced by Lee Teck Keong during his time as a choreographer and manager in the Malay dance arts. His life and career history can serve as an inspiration to all walks of life.

Keywords: *Lee Teck Keong, association manager, Malay dance arts, choreographer, cultural figure*

ISI KANDUNGAN

TABLE OF CONTENT

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iii
ISI KANDUNGAN	vi
BIODATA PENEMU BUAL	viii
BIODATA TOKOH	xi
PENGENALAN	xiii
TRANSKRIP	1
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH	2
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN	5
BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL	8
BAHAGIAN 4: PENGALAMAN DALAM BIDANG SENI	13
BAHAGIAN 5: SENI TARIAN	21
BAHAGIAN 6: SENI MUZIK DAN LAKONAN	36
BAHAGIAN 7: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN	38
BAHAGIAN 8: SUMBANGAN	41
BAHAGIAN 9: HARAPAN	43
PENUTUP	46
LAMPIRAN	47
LOG WAWACARA	48
DIARI KAJIAN	52
SENARAI SOALAN	54
SURAT PERJANJIAN	64
LAMPIRAN BERGAMBAR	65
SIJIL PENGHARGAAN	73
INDEKS	77

BIODATA PENEMUBUAL

BIODATA PENEMUBUAL



Nama Penulu: Nur Shahwanie Binti Mohamad Yaacob

Tarikh Lahir:

Tempat Lahir: Terengganu

Alamat: Kuantan,

Pahang.

No Telefon:

Emel: @gmail.com

Program: Information System Management

BIODATA PENEMUBUAL



Nama Penuh: Siti Nur Nabila Binti Mohd Razali

Tarikh Lahir:

Tempat Lahir: Kuantan

Alamat: Pahang.

No Telefon:

Emel: @gmail.com

Program: Information System Management

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama Penuh: Lee Teck Keong

Nama Samaran: Bonny Lee

Tarikh Lahir:

Tempat Lahir: Seremban, Negeri Sembilan

Alamat: Kuantan, Pahang

No Telefon:

Emel: @yahoo.com

Profesjon: Guru Seni Tari dan Koreographer

Bidang: Seni Warisan dan Budaya

PENGENALAN

PENGENALAN

Transkrip temubual ini berkisarkan tentang tokoh seni dalam bidang tarian Melayu dan koreographer iaitu Dato Lee Teck Keong atau lebih dikenali sebagai Bonny Lee. Temubual ini dijalankan pada 7 December 2023 di Persatuan Mahligai Budaya Kuantan yang terletak di Sekilau, Kuantan, Pahang. Sesi temubual ini dijalankan pada jam 8.00 malam hingga 10 malam. Beliau cukup terkenal dalam bidang seni tarian Melayu. Bonny Lee telah dilahirkan di Seremban, Negeri Sembilan pada sekitar tahunum 1968. Beliau juga merupakan antara tokoh-tokoh yang terkenal dalam bidang koreographer atas pencapaian beliau dan juga merupakan seorang bangsa cina yang meminati tarian bangsa lain.

Transkrip temubual ini dijalankan selama satu jam empat puluh lima minit. Justeru itu, temubual ini dipecahkan kepada sembilan bahagian iaitu Latar Belakang Tokoh, Sejarah Pendidikan, Penagalaman Kerjaya, Pengalaman dalam Seni Tarian, Seni Tarian Melayu, Seni Muzik dan Lakonan, Anugerah dan Percapaian, Sumbangan dan akhir sekali mengenai Harapan.

Sedikit ringkasan mengenai biografi atau latar belakang Lee Teck Keong, beliau lebih dikenali sebagai Bonny Lee di Arena Seni Tarian. Selain dalam bidang seni tarian Melayu, beliau juga seorang koreographer yang mahir dalam pelbagai jenis gerak tarian lain selain daripada seni tarian Melayu. Beliau juga merupakan scorang pengasas persatuan seni tarian Melayu iaitu Persatuan Mahligai Budaya Kuantan yang terletak di Bandar Kuantan, Pahang. Beliau telah menerima pelbagai anugerah sepangjang penglibatan beliau dalam bidang seni tarian Melayu ini.

Menurut kamus Kamus Bahasa Melayu (Kamus Dewan dan Bahasa Edisi Keempat), perkataan seni boleh ditafsirkan sebagai karya yang dicipta dengan bakat (kecekapan), hasil daripada sesuatu ciptaan yang mempunyai nilai keindahan dan memberikan

kepuasan citarasa kepada peminatnya seperti lukisan, muzik, puisi dan ukiran. Manakala, tarian pula didefinasikan sebagai sebagai tarian gerak badan serta tangan dan kaki berirama mengikut rentak muzik. Kepelbagai kaum di Malaysia yang mempunyai adat dan warisan sendiri telah menghasilkan pelbagai aspek kesenian yang menjadi lambang adat resam dan budaya masyarakat Melayu. Ianya memberikan gambaran sebenarnya mengenai kehidupan semula jadi dan cara hidup masyarakat Melayu.

Tarian Melayu dibahagi kepada dua bahagian utama iaitu tarian Melayu asli dan tarian Melayu yang di"angkat". Tarian Melayu asli adalah tarian yang memang berasal dari daerah masyarakat Melayu yang meliputi Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Kepulauan Riau, dan Borneo. Manakala, tarian Melayu yang di"angkat" pula adalah berasal daripada pengaruh budaya asing yang berpuncak daripada kejadian politik dan sejarah dahulu. Tarian Melayu ini bukan sekadar mempunyai bentuk kesenian yang indah dipandang dengan lengkok gerakan badan. Malah, menerusi gerak tarinya juga mempunyai cerita yang menggambarkan adab dan kehidupan masyarakat itu sendiri. Hal ini bukan sekadar berkaitan dengan kelembutan sikap orang melayu, bahkan menjadi ekspresi peradaban yang diperjuangkan oleh masyarakat. Ini termasuk nilai adab seperti menghormati, Bersatu padu, menjaga pertuturan dan banyak lagi. Justeru, untuk mendalami setiap makna di sebalik gerak tari yang dipersembahkan adalah penting untuk memahami Bahasa dan istilah gerak tari yang telah menjadi penghubung para pencipta seni negara-negara rumpun Melayu.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisahkan tentang pencarian maklumat Lee Teck Keong untuk lebih mengenalinya. Rakaman ini untuk mengenali Lee Teck Keong dengan lebih mendalam mengenai latar belakang, latar belakang pendidikan, pengalaman kerjaya, sumbangan atau cabaran dan harapan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

LTK: Lee Teck Keong

NS: Nur Shahwanie

SNN: Siti Nur Nabila

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NS : Salam sejahtera dan apa khabar, Dato? Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan juga pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni tari Melayu. Bersama kami ialah Dato Lee Teck Keong yang merupakan pengusaha Pertubuhan Kesenian Mahligai Budaya Kuantan dari *tahun dua ribu satu [2001]* sehingga kini. Rakaman ini dijalankan pada *tujuh [7] Disember dua ribu dua puluh tiga [2023]* pada jam *lapan [8:00]* malam secara bersemuka. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Shahwanie binti Mohamad Yaacob dan juga rakan saya iaitu Siti Nur Nabila binti Mohd Razali. Dengan segala hormatnya temubual ini dijalankan.

NS : Okay [baik]. Bahagian pertama mengenai latar belakang Dato. Bolehkah saya tahu nama penuh Dato?

LTK : Nama penuh saya, nama ialah Lee Teck Keong.

NS : Okay [baik]. Adakah Dato mempunyai nama panggilan?

LTK : Ya. Kalau di Arena Seni Pahang, saya lebih terkenal sinonim dengan nama Bonny atau Bonny Lee.

NS : Mengapakah dato di panggil sebegini, adakah ada kisah disebalik nama panggilan tersebut?

LTK : Sebenarnya, nama saya *tu* [itu] nama sejak kecil *takde* [tiada] kena mengena dengan Seni. Bonnyan [kan], Bonny *dulu* [dahulu] masa *enam puluh lapan* [68] saya dilahirkan, kira *tujuh puluhan* [70 tahun] popular dengan lagu “My Bonnie” *so* [jadi] dari situ masa saya kecil mereka _ sampai sekaranglah.

NS : Nama *tu* [itu]digunakan?

LTK : Ya (mengangguk). Nama Bonny Lee tu [itu] “*my bonnie lies over the ocean*” (menyanyi).

NS : Okay [baik]. Bolehkah tuan ceritakan serba sedikit latar belakang Dato?

LTK : Okay [baik]. Saya dilahirkan pada *sembilan belas enam puluh lapan* [1968] di negeri Seremban dan pada umur *empat* [4] tahun. Eh, pada umur *enam* [6] tahun *sembilan belas tujuh puluh empat* [1974] jadi keluarga saya berpindah ke Kuantan dan saya dibesarkan di Kuantan. Orang Pahang lah. Boleh la boleh.

NS : Jika tidak keberatan, bolehkah Dato cerita serba sedikit mengenai keluarga Dato? Nama ibu, nama bapa.

LTK : Nama _ saya Tan Seo Khon sudah berumur *sembilah puluh* [90] lebih tahun *aa* [la] ayah saya Lee See Khon sudah meninggallah mendiang ayah saya, dan saya ada *tujuh* [7] adik beradik.

NS : **Dato anak ke berapa?**

LTK : Saya anak ke *enam* [6].

NS : **Berapa tahunkah sudah mendirikan rumah tangga?**

LTK : Saya mendirikan rumah tangga tahun *sembilan belas sembilan puluh sembilan* [1999]. Lama dah...

NS : **Nama isteri?**

LTK : Nama isteri saya Joan, Joan Low Soo Khon.

NS : **Adakah isteri Dato bekerja?**

LTK : Ya. Dengan saya, kita berdua-dua mengasaskan petubuhan kumpulan kesenian Mahligai Kuantan sejak tahun *dua ribu kosong kosong satu* [2001].

NS : **Bilangan anak?**

LTK : Anak *takde* [tiada] rezeki sebab ada beberapa ... *aaa* (berfikir) sebab ada masalah lah.

NS : *Sorry [maaf].*

LTK : Tetapi, anak-anak murid banyak (ketawa). Panggil *daddylah* [gelaran bapa] ke semuakan bila dah biasakan _____ anak anak semua.

NS : **Apakah hobi Dato bagi mengisi masa lapang?**

LTK : Hobi saya pun - (berfikir) saya pun sclain daripada tarian suka dengar lagu-lagu tradisional macam lagu asli, asli Melayu dengan joget dan juga lagu Melayu pun saya dengar semua. Lagu Sabah Sarawak, lagu India yang ada di Malaysia.

SNN **Lagu-lagu Klasik...**

LTK A'ah (mengiyakan) klasik dan asli, lagu rakyat dan kadang-kadang pun cubalah nyanyi tapi tak ... tak sebaik.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

NS : ***Ok* [baik], bahagian seterusnya ialah sejarah pendidikan. Boleh Dato ceritakan serba sedikit mengenai sejarah Pendidikan Dato bermula daripada sekolah rendah hingga menengah?**

LTK : Saya belajar masa sekolah rendah belajar di Sekolah Sultan Abdullah, Kuantan. *Okay* [baik], dari darjah enam [6]. Sekolah menengah saya belajar di Sekolah Menengah Air Putih, Kuantan dan sampai tingkatan *lima* [5].

- NS : **Adakah Dato melanjutkan pelajaran di peringkat seterusnya?**
- LTK : Tidak. Sebab masa itu pergaulan (berfikir) masa dengan murid sekolah masa saya belajar mungkin ada yang tak minat dan mungkin kita lebih ke arah lain, sukan ke *ape* [apa] ke tapi belum lagi menari dan *tak* [tidak] pernah lagi dan *tak* [tidak] kenal lagi bidang scni. Kemudian lepas *form five*, tingkatan *lima* [5] saya bekerja sebagai tukang masak di Hotel Hyatt dan dari kerja *helper* [pembantu] pelahan-lahanla ke *cook* [memasak] ke *chef* [tukang masak].
- NS : **Apakah cita-cita Dato sewaktu belajar?**
- LTK : Cita-cita Dato sebenarnya, sebab masa tu *tak* [tidak] tumpu sangat apa nak buat. *Actually* [sebenarnya], masa di zaman sekolah sebab pergaulangan dengan kawan-kawan yang pun *takde* [tiada] *mission* [misi] janji kita lebih ke main bola ke apa ke pergi ke sana bukan *pikir* [fikir] sangat. Sebab masa tu masa saya tingkatan *lima* [5] masih lagi *takdek* [tiada] lagi _.
- NS : **Pernahkah dato menyertai apa-apa pertandingan yang berkaitan seni waktu sekolah?**
- LTK : Tidak pernah, *actually* [sebenarnya]. Sukan lah sukan. Masa - (berfikir) tingkatan *lima* [5] *lepastu* [lepas itu] umur *sembilan belas* [19], *dua puluh-an* [20 tahun] bermain bola (ketawa).
- SNN : **Seni memang takdek [tiada]?**
- LTK : Bermain bola pun ada *under* [bawah] *twentyone* [21] kan kekeliruankan *tak* [tidak] terpilih *an* [kan] masa tu *gi* [pergi] Hyatt *ah* [la]. Masa tu kita kerjakan *keje* [kerja] sebagai _. Tapi bila ada *mase* [masa] lapang kita main bola *so* [jadi] masa *tu* [itu] *takdek* [tiada] yang apa nak masih lagi _(berfikir).

- SNN : **Masih lagi terfikir la nak buat apa?**
- LTK : Haa (mengiyakan) apa yang kita buat la *mase* [masa] (berfikir) kalau tak belajar, kita masakkan kita fikir masak je lah.
- NS : **Adakah Dato mengikuti kursus profesional yang lain?**
- LTK : Tidak ada. Cuma *last* [akhir], dari saya jadi potong bawang (ketawa) ke pisau lagi besar macam daging. *Lepastu* [Selepas itu] dah *expert* [pakar] sikit, peganglah apa kuali masak *step by step* [langkah demi langkah] *ape* [apa] (berfikir) yang kuali kita belajar pulak *western* [barat], *western food* [makanan barat] macam *tulah* [itu lah]. Boleh *kate* [kata] masa tu memang nak ke arah masak lah.
- SNN : ***Mase* [masa] tu memang bekerja dekat Grand Hyatt jelah?**
- LTK : Haa (mengiyakan) Hyatt Hotel. Jalan di Teluk Cempedak. Zaman *lapan puluhan* [80 tahun].
- NS : **Dah lama laa...**
- LTK : Hehehe... (ketawa)

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL

- NS : Bahagian seterusnya ialah kerjaya awal. Adakah Dato juga akan melakukan sebarang pekerjaan lain sewaktu belajar?
- LTK : Semasa belajar? *Takade* [tiada]. Sebab *masatu* [masa itu], kita *plain* [kosong] je. Kita *pikir* [fikir] sebab ada keluarga lagi ade mak ayahkan. Sampai *lapan puluhan* [80 tahun] sampai *sembilan puluhan* [90 tahun] (berfikir) *lapan puluh sembilan* [89], *lapan puluh tujuh* [87], *lapan puluh sembilan* [89] (berfikir) saya *join* [menyertai] persatuan Sokka Gakai Malaysia HEM Cawangan Pahang. Masa tu mulalah langkah pertama seni tari. *Mase* [masa] tu umur saya *dua puluhan* [20 tahun]. Saya pun sebab saya paling besarlah yang lain. Jadi saya ditugaskan _ diberi kepercayaan menjaga kumpulan tari Sokka Gakai Malaysia. Sejak diberi kepercayaan bukan saya menari, saya yang aturkan yang budak-budakkan. Macam hari minggu, mereka ada latihan dan saya uruskan macam mana mereka datang dan saya uruskan juga nak cari cikgu, cikgu tarian. Kalau tarian Melayu, cari cikgu tarian Melayu. Kalau tarian India, cari cikgu tarian India. Kalau Cina, masa tu kita *zero* [kosong] lagi. Kemudian perlahanlah bila cikgu-cikgu sebenarnya mereka ada sebagai penari ada kumpulan sendiri. Bila cikgu ada *show* [persembahan], bila *show* [persembahan], biasanya Ahad hari minggu. *So* [jadi], bila cikgu *takade* [tiada] tak boleh hadirkan diri, kita yang jaga *kene* [kena] aturkan lah. *Make sure* [pastikan] budak-budak boleh teruskan latihan. *So* [jadi], bila budak-budak “*terlupalah cikgu nak buat macam mana?*” (ketawa) *so* [jadi] kita jadi ketua pun kadang-kadang kita rase macam eh “*eh harini saya pun takdek basic kan*” saya pun mula terfikir sepatutnya saya yang kena tahu sebab ketuakan. Ketua bahagian ni serba sedikit *kene* [kena] tahu.

Sejak dari tu saya mulalah belajar sedikit demi sedikit daripada cikgu atau di masa tu Pejabat Kebudayaan Negeri Pahang ade khusus-khusus asas tari saya *join* [menyertai]. Dari situ bermula tapak demi *se* [satu] tapak.

- NS : **Bagaimana dato boleh melibatkan diri dalam bidang kerjaya tersebut?**
- LTK : Macam *mane* [mana] saya terlibat dalam kerja senilah? Kan. Seni tari, *act* [sebenarnya] sekitar sampai masa tu saya bekerja sebagai *chef* [tukang masak] jadi bila waktu Ahad hari minggu, latihan kadang-kadang keje *chef* [tukang masak] ni orang cuti kita kerja, orang kerja kita cuti. *So* [jadi], hari Ahad tu memang kerja saya jadi saya kena tukar *shift* [giliran] jadi pagi tu Ahad tu saya kena tukar *shift* [giliran] dengan kawan sayalah yang sudilah, saya kerja malam. *So* [jadi], pagi tu saya *arrange* [susun] kadang-kadang saya pun belajar juga menari juga. Lepas kerja, _ lepas latihan sampai petang kita kerja. Lepas masa *tu* [itu] masih ada lagi tenaga, kita boleh lagi masa muda kita guna. Sampai terus sampai satu masa saya *pikir* [fikir], saya pun *kene* [kena] lebih lagi mendalami. Masa itu, Bridgged Budaya Majlis Perbandaran Kuantan nak tubuhkan kumpulan seni tari yang baru. Masa tu *takdek* [tiada] lagi. *So* [jadi] dia ade buat *audition* [uji bakat] lah. *So* [jadi], masa tu saya tengok saya *pikir* [fikir]. *Alah...* masa *tu* [itu] saya *single* [bujang] lagi, *takdek* [tiada] komitmen. Kalau saya tak kerja pun saya cuba yang *target* [sasaran] penari *full-time* [sepenuh masa] saya rasa dari situ saya dapat banyak belajar sebagai seni tari lah. *So* [jadi] nak la tu. *Pikir-pikir* [fikir-fikir] *last-last* [akhirnya] saya pun *applylah* [mengisi]. Saya *tak* [tidak] mengharapkan pun semasa *audition* [uji bakat] saya dapat, cuba je. *So* [jadi], dapat surat kita pergi *audition* [uji bakat], _ serba sedikitla ya la berapa tahunkan dengan Sokkai Gakai Malaysia dan saya dipilih

_ salah satu. Masa tu *first batch* [tahun pertama] Bridgged Budaya Majlis Perbandaran Kuantan tahun *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995]. So [jadi], masa tu saya bekerja sebagai masak, *chef* [tukang masak] di Hotel Hyatt. Saya pun dah naik pangkat dah dari *kitchen helper* [pembantu tukang masak] ke *cook* [tukang masak] kc *chefkan* [tukang masak]. *Masetu* [Masa itu] gaji saya sekitar *seribu lima ratus* [RM1500] la campur dengan *point over time* [kerja lebih masa] semuakan. Masa tu *seribu lima ratus* [RM1500], tahun *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995] boleh dikatakan *oke* [mencukupi]. Lebih-lebih lagi kalau kita *single* [bujang] kan? So [jadi], masa tu saya fikir, mase tu saya *takdekk* [tiada] komitmen kalau saya nak belajar tari bagi diri dua [2] tahun. Masa *takdekk* [tiada] belajar kita balik. Bagi masa dua [2] tahun bagi kita belajar tarian Malaysia. So [jadi] *basically* [sebenarnya], kalau berbelanjaan tarian Melayu yang banyak. So [jadi] dari situ saya *start* [mula] dikenali oleh Cikgu Badarzaman Yusof dari Bridgged Budaya Majlis Perbandaran Kuantan. So [jadi], saya pun mula lah dari *taik* [tidak] pandai *pastu* [selepas itu] sayalah satunya penari bangsa Cina dan sorang bangsa India dan yang lain bangsa Melayu. So [jadi], bila kita bangsa Cina kan *of course* [mestilah] yang Melayukan dia dah boleh tangkap bunga tarian mereka lebih cepat. Ada *skills* [teknik] scdikitlah scbab semua bolch menari semasa *audition* [uji bakat]. Cuma kita kurang sedikit, jadi apa yang saya buat ialah masa rehat. Saya ambil masa sepuluh [10] minit, makan ke *ape* [apa] *pastu* [lepas itu] depan cermin belajar setiap hari. Sampai saya punya *level* [tahap] bolehlah tak jauh sangat sebab saya fikir bila kita nak *perform* [persesembahkan] *takmboh* [tidak mahu] kita nampak janggal sangat. Kita sendiri lah kita belajar, so [jadi], dari situlah saya belajar kehalusan, *skill* [teknik], *level-level* [tahap-tahap] untuk seni tari di Malaysia.

NS : Seterusnya, apakah pengalaman manis dato semasa kerja di Hotel Grand Hyatt eh Hotel Hyatt?

LTK : Pengalaman manis ada banyaklah, naik pangkatlah ada masa tu *pastu* [selepas itu] setiap tahun ada apa *party* [jamuan] *tau* [tahu] untuk *staf* [kakitangan]. *So* [jadi], *party* [jamuan] untuk *staf* [kakitangan] setiap *department* [bahagian], macam *department* [bahagian], saya *kitchen* [dapur] sebab masa tu saya masih mudalah selalunya saya ditugaskan *handle* [mengurus] masa tu nak *perform* [persesembahkan] apa, jadi dari situ saya pun *pikir-pikir* [fikir-fikirlah] la *ade* [ada] pengalaman semasa di Sokka Gakai kan saya pun koreograp sendiri apa yang mampu --- *kitchen* [dapur] department ada F&B, ada maintenance, ada lain lain lah. So bila malam tu dia ada macam pertandingan *staf-staf* [kakitangan-kakitangan], *staf* [kakitangan] ape tu punye *celebration* [sambutan] kan *so* [jadi] apa yang mase tu bila semua *performkan* [persesembahkan] *group* [kumpulan] *kitchen* [dapur] dapat hadiah pertama dari situ semangat saya naik untuk apa untuk tari dan koreographi. Walaupun tak *perfect* [sempurna], dah mula ada minat. Maknanye, saya menceburkan diri di seni tari ni kan masa umur *dua puluhan* [20 tahun]. Bukan masa sekarang. Sekarang budak umur *lima-an* [5 tahun] dah boleh mula ada cikgu yang ajar dan mula *perform* [mempersembahkan].

NS : Pada tahun bilakah Dato berminat mencebur kerjaya dalam bidang seni?

LTK : Senilah.

NS : Haah. (mengiyakan)

LTK : Okay. Macam yang saya cakap tadi *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995] lah. Saya mencebur sebagai artis budaya Majlis Perbandaran Kuantan. Penari

full-time [sepenuh masa] *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995] dan sejak dari tu lah minat saya tak pernah padam sampai harini *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995] lepastu saya dah saya dengan isteri sayalah masa *tu* [itu] dah bercadangkan perkahwinan *sembilan belas sembilan puluh sembilan* [1999] kami berkahwin *lepas tu* [selepas itu] saya berhenti dari Bridged Budaya dan kita tubuhkan pertubuhan kumpulan persatuan kesenian Mahligai Budaya Kuantan untuk teruskan lagilah kita punya. Ha... saya tak cakap pasal gaji kan? gaji masa saya masuk yang dekat di Hyatt *seribu lima ratus* [RM1500], sekitar. Kadang-kadang bisnes bagus ada *seribu enam hingga seribu tujuh* [RM1600-1700]. Tapi kalau kita masuk di sebagai penari artis budaya lah - gaji saya *empat ratus tujuh puluh lima* [475] saja. Masa tu adalah kita punya, kita pilih atau ada *dua* [2] jalan antara kita saya masih saya amutur atau *full-time* [sepenuh masa]. Kalau amateur kita mungkin akan belajar tak sebanyak bila *full-time* [sepenuh masa] apapun kita kena belajar. Kena belajar *so* [jadi] saya pilih sebab saya rasa saya ada masa lagi *takde* [tiada] komitmen jadi saya pilih *empat ratus tujuh puluh lima* [475] kita berkorban. Berkorban dengan kewangan *so* [jadi] *sebabtu* [sebab itu] saya dah *save* [simpan] dengan _ semangat saya tinggi sangat. Dengan apa _ lain datang menari, *punch card* [kad tepuk], menari rehat. Rehat dia banyak kali rehat. Saya datang kerja *punch card* [kad tepuk] tengok cermin cikgu tak datang kita buat sendiri *lepas tu* [selepas itu] masa rehat ambik *satu* [1] jam la kita rehat *sepuluh* [10] minit belajar lepastu ada masa lapang kita baca buku-buku tarian, *custome* [mengubah] macam-macamlah, sejarah tari. *So* [jadi] saya dengan yang lain mungkin saya lebih lagi sebab semangat. Kita dah berkorbankan jadi saya dengan lain, lain sedikit.

- NS : Apakah dato mempunyai kerja sampingan?
- LTK : Semasa - sebagai artis budaya. Ya sebab *empat ratus tujuh puluh lima* [475] tak [tidak] cukup so [jadi] bila ada atau *part-time* [separuh masa] kan di hotel ke di mana-mana ke? Ada catering kita buat lah *keje-keje* [kerja-kerja] macam tu untuk tamping.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENGALAMAN DALAM BIDANG SENI

- NS : Bahagian seterusnya ialah pengalaman dalam seni tarian. Pada umur berapakah Dato mula meminati bidang seni tarian ini?
- LTK : Selepas saya berhenti saya cakap, *sembilan belas lapan puluh tujuh* [1987] *actually*, [sebenarnya] - *lapan puluh lima* [85] di hotelkan? *Lapan puluh tujuh* [87] saya mula *join* [menyertai] Sokka Gakai Malaysia disitu ada aktiviti kebudayaan pada hari minggu. Disitu saya pun saya belajar sedikit demi sedikit tapi saya *handle* [mengurus] yang budak-budak yang kecil cuma apa yang mereka belajar kita pun sama-sama belajar. Terpaksa (ketawa), paksa rela. Di situ, Hyattkan ada *partykan* [jamuan] untuk *staf* [kakitanga] saya pun *handle* [mengurus] beberapa band. So [jadi] dari situ, saya *start* [mula] saya mula berminat la sedikit sebab cikgu yang saya panggil tu ada cikgu tarian Melayu, cikgu tarian kebudayaankan kesenian, bukan tarian moden.

NS : Paham [Faham]. Okey setelah Dato berhenti berkhidmat di Bridged Budaya Majlis Perbandaran Kuantan adakah Dato memilih untuk terus mencuburi dalam bidang seni?

LTK : Ya, ya sudah tentu. Sebab memang hajat saya, bila dah sebut apa perkasam - kiranya *takdekk* [tidak akan] *turn back* [patah balik]. *Actually* [scbcnarnya], saya bagi masa *dua* [2] tahun di pekerjaan bekerja sebagai artis budaya tetapi kita tahu lah Malaysia banyak apa kaum peraturan dah berapa tarian pun. Bukan berpuluhan tapi beratus-ratus jadi tak habis belajar. *So* [jadi] dari ke *dua* [2] tahun saya *extend* [tunda] ke *lima* [5] tahun (ketawa) bekerja di sebagai artis budaya. *So* [jadi] lepas habis belajar lepas saya berhenti saya tubuhkan kumpulan tari sendiri, studio sendiri.

NS : Okay. Bagaimana Dato meminati tarian kaum Melayu?

LTK : Sebenarnya di Budaya Majlis Perbandaran Kuantan Bridged tu, kami banyak *basically* [asasnya] kita belajar tarian Melayu. Yang Tarian Pahanglah, tarian asli inang joget semua, tarian-tarian rakyat dari utara ke selatan. Dari perlis canggung, _ perak Selangor Bugis Johor, Wau Bulan *pastu* [lepas itu] Sabah, Sarawak _ tak habis. Jadi kita belajar semula lepastu maknanya majoriti yang saya belajar tu tarian-tarian Melayu atau tarian rakyat di Malaysia. Tarian Cina mungkin dalam _ ada *dua tiga* [2] [3] so [jadi] banyak *basically* [asasnya] saya lebih pada tarian Melayu. Saya memang minat tarian Melayu. Bukannya saya tak minat tarian Cina, minat juga. Tetapi tarian Melayu saya mungkin lebih belajar *satu* [1], yang ke *dua* [2] di punya nampak macam senang tetapi tarian asli kita banyak kena *control* [kawal]. Bukannya kita menari lepas *aje* [saja] kita

akan nampak macam sotong. Tarian Melayu ni kita ada agam ada kunci dia *so* [jadi] nampak sopan. _ macam tu lah.

NS : **Apakah pandangan orang sekeliling Dato apabila Dato ingin melibatkan diri dalam dunia seni tarian melayu?**

LTK : *Actually* [sebenarnya], ada yang macam bahagian keluarga saya mula-mula memang mereka pun *pikir* [fikir] _ “*dah masak-masak ke?*” macam kurang yakin saya boleh pergi jauh sebab masa tu zaman *sembilan puluhan* [90 tahun] kalau menarilah kerjaya menari *tak* [tidak] boleh cari makan. Tapi saya bukannya nak cari makan sebenarnya pada masa *tu* [itu] saya hendak belajar *so* [jadi] itu yang faktor yang bagi saya *carry on* [teruskan]. *Lepastu* [selepas itu] walaupun dah berumah tangga dengan isteri saya, kita pun cakap macam “*rugilah kalau berhenti macam ni je kan? Why not kita tubuhkan studio sendiri*” mungkin kita boleh *continue* [teruskan] sebab saya lainlah, sebab saya Cina saya ada kemahiran dalam tarian seni Melayu. Jadi bukan itu saja, saya berfikirlah objektif pertubuhan kumpulan kita ialah nak menyemarakkan lebih ramai orang meminati tarian Melayu dan kalau boleh seni tari ini boleh diletakkan *level* [tahap] lebih tinggi orang boleh terima. Sebab masa *tu* [itu] orang menari, penari lclaki mesti yang lembut-lembutkan *so* [jadi] kita kena tunjukkanlah - nak ubah. *So* [jadi] ada *dua* [2] ni, sampai harini saya masih lagi perjuangkan.

NS : **Apakah yang mendorong Dato untuk menceburi bidang seni tarian melayu ini?**

LTK : Dorongan saya ialah bila saya macam bila saya dah putuskan untuk belajar tarian seni tari Melayu saya pun macam teruskan kalau boleh kita boleh pergi jauh

sedikit bukan separuh jalan. Mungkin masa saya rasa masa tu saya matang. Bukan masa sekolah scbab *actually* [sebenarnya] scni tari dia banyak ubah diri saya daripada saya takde wawasan, *takde* [tiada] *planning* [perancangan] apa-apanan. Masa tari-tari kita *berpikir* [berfikir], *berpikir* [berfikir], untuk langkah scterusnya macam kita nak korograph satu tarian kita akan berfikir macam mana tarian ni orang boleh terima. Macam mane budak tu dia kadang-kadang *tak* [tidak] boleh buat *mende* [perkara] tu kita kena bagi gerak yang mereka boleh buat ataupun budak tu *actually* [sebenarnya] dia tak mahir sangat tetapi setiap orang ada kelebihan masing-masing. Kita ambik yang baik dari dia kita *explorekan* [memperkembang]. So [jadi], saya ada cara-cara macam ni dorongan saya sebab *actually* [sebenarnya], semua orang boleh menari kalau dia tak pernah menari maknanya tak pernah _ tak pernah gerak tetapi bila dah start, dia akan ada minat. Kejap eh (menjawab panggilan). Kita latih budak-budak so [jadi] kita latih masa pertandingan ke masa persembahan ke bila persembahan orang tepuk orang *appreciate* [menghargai] budak-budak *happy* [gembira]. *Lepastu* [Selepas itu] dia boleh buat persembahan, mak ayah pun lagi *happy* [gembira] ambil gambar macam-macamkan lepastu bila ada pertandingan ada rezeki kita dapat johankan so [jadi] bila johan tu budak-budak dia akan ingat sampai bila-bila. Sampai dia besar pun dia akan ingat so [jadi] dia akan ingat satu yang indah la untuk mereka dan saya pun lepas kalau bila kita dah johan ke apakan akan mendorong saya untuk lebih giat, semangat. So [jadi] benda-benda ini yang mendorong kita.

- NS : **Seterusnya, apakah pendapat Dato mengenai seni tarian Melayu ini?**
- LTK : Okcy. Seni tarian Melayu ni dia ada kelebihan *actually* [scbcnarnya] bila kita tengok dia kita kalau macam tarian *modern* [moden] macam hip-hop dia lebih lepaskan. *And then* [Selepas itu], dia pun *takdek* [tiada] cerita sebenarnya. Kat *disko* [kelab malam] dia mencari kc apa dia *takdek* [tiada] cerita kc apa. Tapi tarian Melayu ni dia cerita. Ada cerita ada *background* [latar belakang] dia ada *skill* [teknik] dia nak macam mana nak persembahkan dia ada macam-macamlah banyak kelebihan dan keunikkan dia. Bukan tarian Melayu sajalah di Malaysia ada keunikkan sendiri, ada cerita di sebalik dan *benda* [perkara] ni kalau kita ajar yang generasi sekarang *takde* [tiada] dah. *So* [jadi] apa yang kita dapatkan kita kene _ -. So [jadi] balik pada soalan tadi, pandangan saya rasa seni tarian Melayu. *Actually* [Sebenarnya] kita yang penting kena kenal, belajar lepastu kalau boleh performlahkan baru kita ade *feel* [rasa] ada minat macam mana nak cakap "*tak kenal maka tak cinta*". *Especially* [Terutamanya] tarian Melayu mesti cuba, tengok *youtube* pun kalau belajar sendiri lah kan kadang-kadang ada *challenge* [cabaran] kan cuba masuk *tiktok* ke apa kan kamu buat sekali, kamu akan buat *dua* [2] kali. Bila ada-ada _ apa kan itu semangat.
- NS : **Apakah kenangan yang tidak akan dilupakan oleh Dato sepanjang mencuburi bidang ini?**
- LTK : *Of course* [Semestinya] masa pertandingan, kita dapat ada rezeki dan yang paling saya ingat, tak boleh lupa saya pernah ajar satu [1] sekolah SJK (C) Cina, tadika. *So* [jadi], bertanding pra-sekolahlah *so* [jadi] *just* [hanya] semua tarian murid Cina tahu. Dia bertanding tarian tradisional Melayu *so* [jadi], di peringkat Zon Johan, juara. Bila juara dia wakil ke Peringkat Daerah *lepastu* [selepas itu]

juara lagi *so* [jadi] masuk peringkat Pahang, juara. *So* [jadi], satu kenangan yang manis sangat untuk budak-budak tadika *lepas* itu ada lagi satu Peng Chai. Sekolah SJK (C) Peng Chai sekolah rendah pun sama juga saya ajar dari peringkat Zon menang, Peringkat Daerah pun menang, Pahang menang. *So* [jadi] kenangan yang manis dan - saya juga ada bawa budak-budak ke luar negara di Beijing, mereka pun ada *award-award* [anugerah-anugerah] di peringkat antarabangsa. Itu adalah kenang-kenangan yang manis. Dan juga tak lupa Sultan Pahang menganugerahkan pingat pangkat S.A.P Sultan Ahmad Shah. Memegang *title* [gelaran] Dato kecil tapi Datolah kemudian dapat anugerah tokoh Seni Kebudayaan Pahang. Walaupun kita Cina, tetapi ada rezeki. Biasanya tokoh negeri Pahang biasanya orang tua-tua, masa tu saya umur *empat puluhan* [40 tahun] pun dapatkan. Tahun ni pun kita dapat persatuan kita badan bukan kerajaan kesenian yang terbaiklah. Ada disitu _ jadi inilah kenang-kenangan yang manis yang mendorong kita lebih giat.

- NS : **Apakah pencapaian tertinggi yang dicapai oleh Dato dalam kesenian tarian ini?**
- LTK : Macam saya cakaplah (ketawa) koreo terbaik, busana terbaik *lepas* itu ke luar negara di situ ada Philipine ada China memberi ikhtirafanlah. *Lepastu* [Selepas itu] bulan depan kita pergi Chiang Mai. Universiti Chiang Mai mereka ada buat memorandum (MOU) dengan pertubuhan kita. Sesuatu yang satu lagi *level* [peringkat] pencapaian untuk kita.
- NS : **Pada pandangan Dato, adakah seni tarian melayu ini masih diminati oleh generasi pada masa kini?**

LTK : Kalau sekarang, banyak. Ini adalah usaha daripada JKKN. Mereka ada buat banyak pertandingan, kelas tari, bengkel *lepas* [selepas itu] sekolah pun banyak hantar cikgu-cikgu di seluruh Malaysia *so* [jadi] masa ni banyak budak-budak yang terlibat yang minat dengan ___. Tetapi, bagi saya majoriti di peringkat sekolah rendah. Biasa, kebanyakkan bila masuk menengah kurang sedikit, kurang separuh. Sebab kena buka tudunglah atau cikgu *tak* [tidak] bagi kurang galakkan menari ataupun sudah besar tak minat. *So* [jadi] daripada sekolah rendah bila sambut __ menengah mungkin kurang daripada *lima peratus* [5%] yang boleh *carry on* [teruskan] ini adalah salah satu kita macam mana kita kena *pikirkan* [fikir] mungkin macam studio Mahligai Budaya kita *open* [buka], sesiapa pun boleh datang. Mungkin setiap negerikan ada beberapa lagi studio yang *continue* [sambung].

NS : **Bagaimana cara Dato mendapatkan ilham atau idea untuk memajukan seni ini?**

LTK : Memajukan seni ini, *actually* [sebenarnya] dah banyak *bendalah* [perkara] kita buat. Macam mana kita buat bengkel, kita buat kursus kita masuk sekolah mengajar atau kita buat ceramah. Kenapa kita kena minat - macam-macam. Lepastu kalau ada rezeki, kerajaan, JKKN negara atau METIC ke MOTEC kalau kita mohon peruntukkan mungkin kita boleh adakan lebih ramai boleh __ serta program-program kita.

NS : **Adakah Dato pernah berkolabiasi dengan mana-mana pihak?**

LTK : Ya. *Basically* [Sebenarnya], kita dengan JKKN kita memang dari dulu sampai sekarang kalau apa-apa program terlibat atau kalau kita akan ada program kita minta kerjasama. Biasanya, macam program pementasan, persembahan kita ada

kerjasama dengan JKKN. Macam di METIC ini pun juga ada kerjasama dengan JKKN dan MOTEC. *So [Jadi]*, bila kita kerjasama kita lebih lancar sedikit. Mungkin ruang, auditorium kita boleh gunakan. Tak perlu pergi sewa ke apa. Ada tenaga-tenaga macam *crew* [pertugas] boleh bantu. Mereka lebih berpengalaman dari situ lah kita - dapat kerjasama penting sebenarnya. Kalau kita *stand-alone* [berdiri sendiri] kan memang banyak tak jadi. *So [jadi]*, semua pertubuhan atau kumpulan-kumpulan tari sepatutnya adalah lebih baik kena kolabiasi kerjasama dengan JKKN negara atau negeri. Kemudian, kolabiasi dengan negara luar pun kita pernah macam di Chongqin, China kita pernah kolabiasi dengan CCTV China Stesen *so [jadi]* kita bawa kumpulan Malaysia ada ke sana buat persembahan dan ada bertukar pengalaman.

- NS : Pernahkan Dato menerima sebarang kritikan ketika menyertai **Asian Youth International Art Grand Prix (Dance Competition)** di Hangzhou, China?
- LTK : Biasanya saya *tak* [tidak] pernah lah. Bila kita berada di luar negara, orang menghormati kita dan kita kena hormat orang. Sebab seni dan budaya ni ada baiknya ialah bila tak kenal, tak kenalah tapi bila kenal saling hormat-menghormati melalui seni, dia tak ada dah dinding tu *wall* [penghalang] tu. Tiba-tiba kita boleh jadi kawan rapat. Bila budak-budak saya berpakaian *costume* [pakaian] ramai orang nak ambil gambar *so [jadi]* kita pun nak ambil gambar dengan diaorang. Di situ tak ada *wall* [penghalang] “*kamu dari Malaysia, kamu dari China*”. Sebab seni dan budaya akan mengambungkan dan seni dan budaya salah satu cara - dunia damai aman melalui seni dan budaya bukannya melalui dia kena ada seni dan budaya ada saling menghormati dari situ boleh jadi kawan.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: SENI TARIAN

I. SENI TARIAN MELAYU

NS : Bahagian seterusnya mengenai seni tarian Melayu. Bolehkah Dato menceritakan sejarah persembahan tarian Melayu ini?

LTK : Sejarah persembahan tarian Melayu. Okay [Baiklah], zaman *tujuh puluhan* [70 tahun] kan dulu KBM (Kogres Budaya Malaysia) yang ada penari, persembahan dari mereka. Kemudian, dari situlah kemudian lepas itu setiap negeri, dulu di KL (Kuala Lumpur) lepastu koreograher penari-penari dulu umur dia balik kampung. Yang duduk Pahang, balik Pahang la, yang Melaka balik Melaka lah. So [jadi], disitu ada koreographer yang ada sistem la macam ada formasi sebab ada yang sebelumnya kalau tarian tu dari kampung orang-orang tua so [jadi] *takde* [tiada] - tak banyak pecahan pola lantai atau gerak yang seiring. Orang kampung alat muzik kompong je. Kan? Mungkin sebab macam tu generasi yang muda dia kurang terima sangat. Orang tua *okey* [setuju] la sebab dia dah biasa kompong, nyanyi pun *takde* [tiada] *keyboard* [papan nada] yang naikkan ___. So [Jadi] bila dah ada yang lagi *modern* [moden] kan dan dicampurkan ada biola, violin masa tu pun boleh. Tapi *tak* [tidak] ramai masa tu. Sebab masa tu ekonomi negara pun *tak* [tidak] yang belajar, belajarlah. Dia tak kembang ke sekolah *sebabtu* [sebab itu] saya *takde* [tiada] peluang di sekolah ___. Jarang, di Kuantan mungkin dalam *satu* [1], *dua* [2] sekolah sahaja yang ada kelab tarian yang lain memang *takde* [tiada] *lapan puluhan* [80 tahun] pun lebih banyak lagi orang *sembilan puluhan* [90 tahun] zaman saya mula belajar, boleh menceburkan diri

so [jadi] dari tu aktivis macam saya dan rakan lain-lain di negeri Pahang mula ada semangat untuk menyemarakkan lagi *so* [jadi] dari situ ada beberapa koreographer di Pahang pun *okey* [baik], berkebolehan dan dia mula berlatihlah budak-budak. Dari tak banyak dia jadi tambah-tambah lepastu bagi saya untuk studio saya tak cukup. Saya masuk sekolah tadika, sekolah rendah dan beberapa sekolah sebab yang penting budak-budak masa sekolah dia kena belajar. Bila dia dah masuk sekolah menengah *tiga belas* [13] tahun keatas dia memang tak minat dah. Dia minat ke arah lain pulak. Atau ada cikgu-cikgu tak benarkan pakai tudungkan macamtu. Jikalau di Pahang la macam ni dari *tujuh puluhan* [70 tahun], *lapan puluhan* [80 tahun] dan *sembilan puluhan* [90 tahun] sekarang lepastu ada JKKN negara dia pun setiap negeri pun ada kan? Mereka pun ada bimbingan seni.

NS : Bagaimana persediaan untuk persembahan tarian Melayu sebelum dipentaskan?

LTK : Bila kita nak persembahkan tarian Melayu *of course* [semestinya] kita kena belajar dia punya asas. Asas dia kalau tarian inang, joget asli, zapin dia atau tarian-tarian rakyat dia kena belajar asas *so* [jadi] dari asas *on the spot*lah [segera] kita *takde* [tiada] bagi pecahan. Lepas asas kita belajar *skill* [teknik] dia pulak macam mana cantik menari, lentok semua. Dari itu, kita masuk formasi dia *takde* [tiada] lah statik. Dari mula sampai akhir yang itu *ja* [sahaja]. Formasi *so* [jadi] bila dia dah fahamkan *lepas* [selepas itu] dia pun kena ada inisiatif kena berlatih. Pandang cerminkan, senyuman, penghayatan. Apa yang perlu untuk buat persembahan. *Lepastu* [Selepas itu] persembahan ada macam *running show* [persembahan sedang berlangsung] dia pun kena belajar macam

mana tukar pakaian dengan cepat. Pakai apa dulu, kemudian apa pakai apa? so [jadi] dia kcna belajar dalam nak belajar satu tarian saja banyak yang perlu belajar *actually* [sebenarnya]. Satu belajar tu kita tanamkan minat kita kena macam ni, mereka seronok *macamni* [maca mini]. Belajar lepastu buat *show* [perscmbahan] dia scronok *actually* [scbenarnya] dan nak lagi.inilah salah satu cara saya cara menyemarakkan nak bagi dia minat ada *level* [peringkat] dia. *Level* [Peringkat] dia macam nilah dari *zero* [kosong] belajar asas dan sebagainya sampai hari dia ada mereka makeuplah semuakan, tak pernah pakai bulu mata dia pun dah *try* [cuba], bila tengok cermin “*eh cantiknya saya*”kan.

NS : Kebiasanya persembahan ini dilakukan di mana?

LTK : Biasanya, persembahan - pentaslah. Kita pun pernah di padang, di jalan raya macam hari merdekakan kita berarak macam citrawara kita berarak. Kalau hari merdeka atau apa-apa persembahan di pentas dan auditorium macam JKKN kan ada auditorium. Di RTM pun ada auditorium pastu yang banyak skali di pentas sekolah-sekolah. Itulah platform untuk anak-anak. Penting sebenarnya platform dia kena belajar di perform. *Pastu* [selepas itu] dia bila nak buat *stepping* [langkah] seronok.

NS : Berapakah modal yang diperlukan untuk menjayakan sebuah persembahan tarian Melayu?

LTK : Dia tak, *mende* [perkara] ini sebenarnya subjektif sebenarnya. Kalau tarian Melayu *tu* [itu] macam tarian joget dia *basically* [terutamanya] ada baju kurung, baju melayu, baju kebaya ada aksesori dia. Macam pertubuhan saya *ni* [ini], kalau nak yang mahal-mahal *tak* [tidak] mampu la. Nak songket-songket apa

kain tenun yang *original* [asli] mungkin ada, *tak* [tidak] banyak. Tapi kalau untuk kerajaan punya yang JKKN mungkin mereka ada kewangan yang kukuh untuk __. So [Jadi], *mendani* [perkara ini] dia subjektif sebenarnya macam kadang sepasangkan *dua ratus* [RM 200] lebih *tiga ratus* [RM 300] lebih ada sampai bcribu tengok baju apa. Macam baju Sarawak, itulah ini memang ribu dah. Tengok baju apa aksesori lagi kalau baju *original* [asli] memang mahal. Kalau yang plastik tapi dia sinar-sinar murah sedikit.

NS : Bagaimana Dato mengekalkan mutu dalam sesebuah persembahan?

LTK : Mutu tu bila kita selepas persembahan kita ada bagi cakap kepada penarilah “*tadi kamu buat salah*”. Tapi *takpe* [tidak mengapa], kena postmoterm tengok apa yang dia boleh tambah lagi *so* [jadi] biasanya persembahan pertama dia macam bila dia dah menari. Persembahan kedua tarian yang sama kan dia akan lebih elok. Ketiga dia lagi *steady* [santai] lagi natural. Tengok ini adalah pengalaman budak-budak *so* [jadi] mutu tu kita tak boleh paksa sangat kalau pengalaman dia beberapa bulangan *tak* [tidak] boleh paksa sangat tapi kita kena bagi peluang, bagi peluang mungkin salah satu tu *lepastu* [Selepas itu] dia ingat. *Show* [persembahan] ke dua tu ada tak? Sebab dia ingat.

NS : Boleh saya tahu apakah sudut yang sukar dalam bidang tarian ini?

LTK : Sudut yang sukar dalam bidang tarian macam mana kita *carry on* [meneruskan]. Terus ke tempat sebab dunia seni ni dia banyak dia bukannya nak cakap cari duit banyak. Dia bukannya untuk cari duit banyak, malah kita keluarkan duit dan itu *lepastu* [selepas itu] *show* [persembahan] bukan tiap-tiap hari ada *show* [persembahan]. Pun ada saingen juga lepastu kadang-kadang kita nak buat

macam ni kita *takde* [tiada] peruntukkan kena mohon kalau kerajaan bagi *okay* [bagus] lah, kalau kerajaan tak bagi atau mungkin apa yang kita minta dia tak bagi banyak sangat bagi sedikit saja. Kita kena cari ikhtiar kita kena cari *sponsor* [penaja] ke apa ke *so* [jadi] bukan semua kumpulan seni dia dapat bertahan sebab memang liku-liku dia memang banyak naik atas, kanan selekoh sini jadi kita kena *carry on* [meneruskan], macam pertubuhan saya rasa sejak *dua kosong kosong satu* [2001] kan kalau *start* [mula] dari kumpulan lain dengan saya yang ini memang tinggal kita *je* [sahaja] sebab saya taknak cakap yang *dua tiga* [2] [3] tahun yang baru tapi yang ada juga *group* [kumpulan] yang *dua tiga* [2] [3] baru di tubuhkan tapi harini dah tutup. Sayang saya pun macam tak bukannya dia tutup saya *takde* [tiada] saingan tapi sedih juga *so* [jadi] bukan senang untuk *carry on* [meneruskan], dia banyak liku-liku *so* [jadi] bila dah sedang sedia dah sampai satu tahap anak dah masuk sekolah tinggi dia dah *takdek* [tiada] dah mereka pergi Kelantan, *KL* [Kuala Lumpur] negeri lain nak sambung belajar *so* [jadi] dia *takdek* [tiada] masa la. Macam tu la.

NS : **Apakah alat muzik yang digunakan dalam tarian Melayu?**

LTK : Tarian melayu mesti ada gong yang penting, ada gendang, ada pulak tu biola, melodi dia ada *aircodium* pastu ada yang cupak yang sampin, itulah yang *basic* [asas] la. *Lepastu* [Selepas itu] ini tarian yang asli Melayu. Kalau untuk gamelan ada yang set-set gamelan ada kampak, sarong macam semua ada gongkan. Tengokla tarian yang dipersembahkan kalau di Kelantan Adat Rebab. *Depends on* [Bergantung kepada] tarian dia ada *instrument* [alatan] tertentu kalau Perlis dia ada terinai kan. *Depends* [bergantung]lah.

- NS : **Bagaimakah cara pemakaian dalam tarian Melayu?**
- LTK : Tarian Melayu biasanya Baju Kurung atau baju kebaya untuk perempuanlah. Pastu baju kebaya atau kurung pun dia ada *depends on* [bergantung kepada] negeri apa yang kamu tariangkan lagu tu. Kalau Pahang, baju Pahang, kurung Pahang, Teluk Kuantan. Kalau negeri lain dia ada macam Kedah dia ada baju kurung pendek. Johor teluk belangga. Kalau Bugis tarian Bugis dia terpulang kepada negeri. *Costume* [pakaian] tulah apa kamu persembahkan jangan kamu menari zapin kamu beri kebaya pendek *tak* [tidak] kena.
- NS : **Adakah tarian ini mengambil masa yang lama untuk persembahan?**
- LTK : Dia *depends* [bergantung] juga dia juga subjektif juga kalau penari tu berpengalaman, kita bagi harini satu _ dia dah boleh buat dah. Kan *step* [langkah] dia dah boleh buat dah kalau penari tu *takde* [tiada] pengalaman kita kena sabar la sedikit. Betulkan dia punya *position* [kedudukan] apa semua.
- NS : **Apakah terdapat banyak teknik tarian?**
- LTK : Teknik tarian biasanya kalau tarian Melayu dia ada agam, kunci. Kunci maknanya retakkan dia ada *feel* [rasa] dia takde - agam dia ada _ sedikit supaya bila kita manarikan kita tak tunjuk macam naik kuda untuk *so* [jadi] kita *control* [kawal] bila tarian asli ni kita ada gerak berjuntai macam kita terapung gerak-gerak terapung. *So* [Jadi], Lepastu kita ada *level* [peringkat] rendah, *level* [peringkat] tengah, *level* [peringkat] tinggi gerak tinggi sederhana duduk ada *level* [peringkat] dia. Kalau masuk ada pola lantai yang menarik lah kita kena *pikirlah* [fikir] jangan statik.

- NS : **Bagaimana Dato mengekalkan teknik tarian Melayu dahulu dan sekarang?**
- LTK : Dahulu kita kckalkan, tetapi mungkin bolch diubah untuk mengikut keadaan semasa. Kita kena memang kena ikut macam rekreasikan atau kreatifkan sedikit macam pola langkah macam tarian-tarian kamu tengok dalam cerita-cerita orang Melayu hitam putih di TV kan __ dia macam tu *ah* [la] tapi dalam gerak tu mungkin bila di zaman sekarang dia lebih lagi dia tambah sedikit nampak lagi menarik. Kalau kita ikut *seratus peratus* [100%] tarian macam dulu memang di situ je lah. Kita kreasi so [jadi] nampak dia menarik tapi dia tak lari dari gerak asal.
